



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
HUMANITIES, PHILOSOPHY  
AND LANGUAGE  
(IJHPL)  
[www.ijhpl.com](http://www.ijhpl.com)



## PENGLIBATAN PELAJAR POLITEKNIK (PNS, PSAS & PUO) DALAM AKTIVITI KESUKARELAWANAN, SUATU KAJIAN RINTIS

*ENGAGEMENT OF POLYTECHNIC STUDENTS (PNS, PSAS & PUO) IN  
VOLUNTEERING ACTIVITIES, A PILOT STUDY*

Nor Hayati Fatmi Talib<sup>1</sup>, Mior Iskandar Mior Azizan<sup>2</sup>, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff<sup>3\*</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Am, Politeknik Nilai, Malaysia  
Email: yati\_6709@yahoo.com

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Azlan Shah, Malaysia  
Email: mior\_iskandar@psas.edu.my

<sup>3</sup> Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ungku Omar, Malaysia  
Email: a.fkrudin@puo.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 10.01.2023

Revised date: 25.01.2023

Accepted date: 27.02.2023

Published date: 06.03.2023

#### To cite this document:

Talib, N. H. F., Azizan, M. I. M., & Yusoff, A. F. M. (2023). Penglibatan Pelajar Politeknik (PNS, PSAS & PUO) Dalam Aktiviti Kesukarelawanan, Suatu Kajian Rintis . *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 6 (21), 11-26.

DOI: 10.35631/IJHPL.621002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Abstrak:

Pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi perlu dipupuk dan dilibatkan dalam aktiviti kesukarelawanan selari dengan keperluan melahirkan modal insan yang holistik. Kajian tinjauan kuantitatif ini bertujuan melihat bidang yang diceburi oleh pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan, ciri-ciri kesukarelawanan pelajar, faktor dan kesan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan. Kajian dijalankan dalam kalangan 961 orang pelajar secara dalam talian. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Hasil kajian mendapati pelajar paling banyak terlibat dalam aktiviti dalam bidang keagamaan, pelajar mempunyai ciri-ciri kesukarelawan yang sangat baik, faktor utama pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan adalah kerana ingin meningkatkan kemahiran diri ( $SM=4.44$ ;  $SP=0.60$ ), kesan pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan berada pada tahap sangat tinggi dengan skor min keseluruhan adalah 4.32 ( $SP=0.55$ ), terdapat perbezaan yang signifikan kesan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan berdasarkan gender dimana skor pelajar lelaki ( $SM=4.26$ ,  $SP=0.59$ ) berbanding pelajar perempuan ( $SM=4.39$ ,  $SP=0.51$ ) dengan nilai  $t=-3.617$ ,  $P=0.000$ , pelajar menunjukkan persetujuan yang tinggi dalam saranan dan cadangan yang diberikan dan mengemukakan banyak cadangan dan pandangan berkaitan aspek yang dikaji. Kajian mendapati pelajar mempunyai kesediaan dalam melaksanakan aktiviti kesukarelawan dan mempunyai kecenderungannya dalam aktiviti kesukarelawanan. Kajian berkala dan melibatkan pelbagai

konstruk perlu dilakukan bagi melihat lebih terperinci aspek kesukarelawanan dalam kalangan pelajar.

**Kata Kunci:**

Kesukarelawanan, Ciri Kesukarelawanan, Faktor Penglibatan, Kesan, Politeknik.

**Abstract:**

Students at Higher Education Institutions need to be nurtured and involved in volunteering activities in line with the need in producing holistic human capital. This quantitative survey study aims to see the fields that students engage in volunteering activities, the characteristics of student volunteering, and the factors and effects of engaging in volunteering activities. The study was conducted online among 961 students. Data were analyzed descriptively and inferentially. The results of the study found that students are most involved in activities that relates to religious field, students have very good volunteering characteristics, the main factor in students engaging in volunteering activities is because they want to improve their skills ( $SM=4.44$ ;  $SP=0.60$ ), the effect of students involving involvement in volunteering activities is at a very high level with an overall mean score of 4.32 ( $SP=0.55$ ), there is a significant difference in the effect of engaging in volunteering activities based on gender where the score of male students is ( $SM=4.26$ ,  $SP=0.59$ ) compared to female students ( $SM=4.39$ ,  $SP=0.51$ ) with a value of  $t=-3.617$ ,  $P=0.000$ , students showed high agreement in the recommendations and suggestions given and presented many suggestions and views related to the aspects studied. The study found that students have the willingness to carry out volunteering activities and have a tendency in volunteering activities. Regular studies involving various constructs need to be done in order to see the aspects of volunteerism among students in more detail.

**Keywords:**

Volunteering, Volunteering Characteristics, Involvement Factors, Impact, Polytechnic

## Pendahuluan

Dalam konteks negara kita Malaysia, insan seutuhnya yang ingin dibina, dibangunkan serta dilahirkan seterusnya menzahirkan dirinya sebagai insan seimbang dari segala aspek hidup dan kehidupannya merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan inteleknya. Hal ini hanya mungkin terjadi dan terlaksana kiranya ia dapat menghayati serta mengamalkan konsep dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hasil yang terzahir nanti ialah insan seimbang yang berkeupayaan mensejahterakan dirinya, keluarga, masyarakat serta umat seluruhnya (Ismail, 2015).

Pelajar merupakan golongan berpendidikan yang mampu menjadi contoh terbaik kepada masyarakat. Keterlibatan pelajar dalam program kesukarelawanan mampu melahirkan seorang pelajar yang bertanggungjawab terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat. Kemampunan pembangunan negara dan insan tidak akan dapat dicapai tanpa semangat kesukarelawanan dan nilai-nilai insaniah yang tinggi dalam kalangan diri pelajar. Justeru semangat ini perlu dibudayakan dalam kalangan pelajar kerana pada waktu inilah mereka perlu didedahkan dengan persekitaran yang saling membantu dan meringankan beban golongan yang

memerlukan. Semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar perlu dipupuk sejak awal lagi (Jamal et al., 2021 & Yahya Zikri et al., 2022).

Menyedari keadaan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Projek Sukarelawan Universiti Awam pada tahun 2017. Program Kesukarelawan bermatlamat memberi pendedahan serta latihan kepada mahasiswa bagi meningkatkan kemahiran insaniyah, jati diri dan tahap keperihatinan mahasiswa terhadap persekitaran mereka. Program ini telah disambut baik oleh semua institusi pendidikan tinggi di Malaysia dalam usaha melaksana dan memperkasakan aktiviti-aktiviti kesukarelawan diperingkat pendidikan tertiar.

Dasar Pembangunan Negara juga telah meletakkan hasrat agar Pendidikan dan Pengajian TVET dapat melahirkan modal insan dan graduan holistik dan seimbang. Teras strategik digubal di peringkat tertinggi hingga peringkat pelaksana bagi merealisasikan dasar tersebut. Begitu juga dalam Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pengajian Tinggi) yang memfokuskan kepada graduan holistik berciri keusahawanan dan seimbang. Graduan holistik dan seimbang merangkumi mahasiswa yang beretika dan bermoral, mempunyai kerohanian mantap, penyayang dan prihatin (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2015). Pembentukan sukarelawan dalam kalangan penuntut institusi pengajian tinggi telah memperlihatkan pembangunan modal insan melalui aktiviti kesukarelawan dan kerja-kerja sosial terhadap komuniti dan masyarakat. Justeru, aktiviti dan program kesukarelawan yang dijalankan oleh Institusi Pengajian Tinggi termasuk Politeknik adalah selaras dengan hasrat Dasar Pembangunan Negara dan PPPM (PT) dalam pembangunan modal insan berteraskan Revolusi Industri 4.0.

Di peringkat politeknik, Yayasan Sukarelawan Siswa Politeknik Malaysia atau singkatannya YES! Politeknik Malaysia telah ditubuhkan pada 15 Julai 2011. YES! Politeknik merupakan satu platform kepada siswa Politeknik menyumbang khidmat bakti dalam bentuk kemahiran TVET kepada masyarakat. 7 kluster YES! Politeknik telah dirangka iaitu pemindahan teknologi & perkongsian ilmu, operasi khidmat masyarakat, pembangunan keusahawanan, pembangunan pendidikan, pembangunan kerohanian, pembangunan kesihatan dan pembangunan kelestarian alam agar siswa Politeknik dapat memberi sumbangsih bakti terhadap kluster yang diminati. Pengajuran sesuatu program berkaitan kesukarelawan adalah berdasarkan kerangka aktiviti kesukarelawan YES! Politeknik iaitu menganalisa keperluan komuniti, menyediakan penyelesaian mapan, melaksana bersama rakan kongsi dan diakhiri dengan pemantauan dan penilaian (Garis Panduan Program Kesukalewanan Politeknik Port Dickson, 2020).

Sukarela didefiniskan sebagai suatu sifat atau keadaan yang tidak dipaksa, atas kemauan sendiri dan melakukan sesuatu secara rela hati (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2020). Sukarela boleh difahami sebagai suatu sikap melakukan atau membuat sesuatu atau memberi secara sukarela, tanpa dipaksa atau dibayar untuk melakukannya (*Cambridge English Dictionary*, 2020). Kerja sukarela (*voluntary work*) atau khidmat sukarela (*voluntary service*) ialah kegiatan yang dilakukan dengan rela hati, ikhlas, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak, tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran dan memberi manfaat kepada golongan sasaran (Muhamad & Mohd Alauddin, 2013). Kesimpulannya, sukarela ialah satu sikap, perbuatan atau nilai baik dalam diri manusia yang dizahirkan dengan kehendak diri sendiri dan kerelaan hati.

Berhubung dengan faktor keterlibatan seseorang individu dengan kerja-kerja kesukarelawanan, hasil kajian yang dijalankan oleh Nichols & King (1999) mendapati bahawa keinginan yang tinggi untuk membantu masyarakat mempengaruhi majoriti individu yang terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan. Hasil kajian ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Jago & Deery (2002) yang mendapati bahawa majoriti individu yang terlibat dengan kerja-kerja sukarelawan adalah bertujuan untuk membantu memenuhi keperluan asas masyarakat khususnya yang memerlukan. Clary, Snyder & Stukas (1996) dalam kajinya pula mendapati bahawa faktor-faktor seperti memenuhi matlamat sosial dan psikologi yang berbeza-beza seperti sikap keprihatinan terhadap orang lain, keinginan untuk meningkatkan tahap pengetahuan, mencari pengalaman baru dalam kehidupan, kesedian untuk memenuhi keperluan bagi masyarakat yang mengalami kegagalan dalam kehidupan dan meningkatkan nilai-nilai positif dalam diri mereka (Hutchison, 2003) telah mempengaruhi seseorang individu itu terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan.

Musick dan Wilson (2003) dalam kajinya pula mendapati bahawa penglibatan seseorang individu dengan aktiviti berbentuk kesukarelawanan telah menjelaskan kesan positif dalam diri seseorang individu berkenaan. Ini kerana ia secara tidak langsung membantu meningkatkan kesejahteraan fizikal mereka, membentuk jaringan sosial yang lebih luas dan seterusnya membantu menyelesaikan isu-isu sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat. Dapatan ini selari dengan kajian Wan Zuhari et al. (2018) yang mendapati impak aktiviti kesukarelawanan dapat meningkatkan kerjasama kumpulan, semangat tolong menolong, mengamalkan gaya hidup sihat, meningkatkan keprihatinan, mempraktikan ilmu yang dipelajari di kampus, meningkatkan kepakaran dan kemahiran serta meluaskan kenalan. Manakala menurut Arthur & Ness (2013), penglibatan individu dalam aktiviti kesukarelawanan mampu menonjolkan diri dan menguatkan resume sewaktu memohon pekerjaan. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Brewis (2010), mendapati bahawa menceburi aktiviti sukarela atau menjadi ahli sukarelawan dapat meningkatkan kemahiran *interpersonal*, membantu pelajar mengembangkan peluang dalam bidang kerjaya, menghindar diri daripada terjebak dalam masalah sosial seperti budaya lepak, jenayah, kegiatan dadah dan sebagainya. Dapat disimpulkan bahawa aktiviti kesukarelawanan bukan sahaja mampu memberi kesan positif kepada pembentukan masyarakat malah ia mampu memberi nilai tambah kepada produktiviti pelajar itu sendiri.

### Pernyataan Masalah

Aktiviti kesukarelawan adalah bukan perkara baharu di Malaysia, malah aktiviti tersebut lebih awal telah diterapkan dalam sistem pendidikan pada peringkat sekolah rendah dengan persatuan Bulan Sabit Merah, Pengakap, Pandu Putri, St. John Ambulan dan lain-lain. Manakala pada peringkat menengah pula seperti Kadet Remaja, Kadet Bomba, Kadet Polis, Putri Islam, Silat dan lain-lain. Bagi menggalakkan pelajar-pelajar menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi seperti kolej, politeknik dan universiti. Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi memberi kredit khas bagi pelajar yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawan (Hamzah et al., 2015), berikutan impak yang sangat berguna kepada pelajar yang menceburi aktiviti-aktiviti kesukarelawan ini. Menurut Ibrahim et al. (2015) dan Yahya Zikri et al. (2022), individu yang sering terlibat dalam aktiviti kesukarelawan akan lebih produktif, membentuk pemikiran yang positif, pembangunan personaliti yang unggul dan kemahiran insaniah yang mantap.

Jika dilihat situasi yang berlaku seperti bencana alam, ancaman kesihatan, tahap kebersihan, aspek penguasaan pendidikan, nilai sosial yang kian terhakis dan lain-lain lagi, ini jelas memperlihatkan keperluan kepada kerjasama antara kerajaan dan masyarakat khususnya

sukarelawan saling berganding bagi membantu melaksanakan aktiviti menyelesaikan masalah tersebut. Menurut Bang dan Ross (2009) tanpa sokongan dari ahli sukarelawan sesebuah gerak kerja aktiviti akan menjadi sukar dan tidak terlaksana dengan berkesan. Namun bagi melahirkan sukarelawan yang berkualiti, antara aspek-aspek yang perlu dihayati ialah diri sendiri, masyarakat, pihak-pihak terlibat, persekitaran, sistem dan peraturan (Dorsch et al., 2002; Mukhtar & Hudin, 2021).

Penerapan nilai kesukarelawan dalam kalangan masyarakat telah bermula dari peringkat sekolah rendah sehingga kepada pendidikan tinggi, perkara ini sejajar dengan hasrat kerajaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pengajian Tinggi) bagi melahirkan insan menghayati nilai, holistik dan seimbang. Berdasarkan kajian dari aspek motif kesukarelawan yang dilaksanakan oleh Johari dan Suzastri (2021); Wan Aziz et al. (2020); Mohd Khir (2016) motif utama penglibatan responden dalam aktiviti kesukarelawan adalah motif nilai. Ini menunjukkan sifat kepedulian dan ingin mempelajari sesuatu ada dalam diri responden.

Kegiatan kesukarelawan turut di suburkan di peringkat politeknik, iaitu dengan penubuhan YES! Politeknik antara langkah-langkah bagi mencapai hasrat dalam kandungan dasar-dasar yang telah dibangunkan untuk mencorak mahasiswa ke arah yang bercirikan holistik. Terdapat pelbagai aktiviti yang telah direncanakan sama ada diperingkat pusat dan juga diperingkat institusi politeknik itu sendiri. Persoalannya adakah mahasiswa sedar betapa pentignya peranan mereka terhadap aktiviti-aktiviti kesukarelawan ini? Berdasarkan tinjauan secara rawak terhadap kajian yang telah dilakukan, antaranya kajian oleh Suanda et al. (2012) terhadap 3816 mahasiswa IPTA yang mengkaji semangat kesukarelawan Dalam Kalangan Mahasiswa Melayu adalah berada pada tahap sederhana. Kajian Ab Rahman et al. (2018) juga menunjukkan tahap penglibatan masiswa dalam aktiviti kesukarelawan berada pada tahap rendah. Manakala kajian oleh Abdul Rahman (2018) terhadap penglibatan golongan awal dewasa dan kajian Wan Aziz (2020) terhadap golongan remaja dalam aktiviti sukarela, masing-masing berada pada tahap sederhana tinggi.

Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk melihat dengan lebih menyeluruh bidang serta ciri-ciri aktiviti kesukarelawan yang diminati oleh pelajar, faktor dan kesan keterlibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan yang telah diceburi. Hasil kajian dapat dijadikan panduan kepada mahasiswa, institusi pendidikan, dan badan bukan kerajaan untuk merangka perancangan bagi memantapkan segala aspek dan keperluan untuk melahirkan sukarelawan yang berkualiti.

### Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat berdasarkan objektif berikut:

1. Apakah bidang-bidang utama yang pelajar terlibat dalam aktiviti kesukarelawan?
2. Adakah pelajar politeknik mempunyai ciri-ciri seorang sukarelawan dan apakah tahapnya berdasarkan ciri?
3. Mengenalpasti faktor pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan.
4. Mengenaplasti kesan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan dalam kalangan pelajar.
5. Adakah terdapat perbezaan kesan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan berdasarkan jantina?

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian tinjauan menggunakan kaedah kuantitatif. Kajian tinjauan lebih mudah, cepat dan tepat dimana banyak data dapat dikumpul dalam satu-satu masa serta sesuai untuk mengkaji sampel mewakili populasi kajian (Sekaran & Bougie, 2009). Kajian ini dijalankan dalam kalangan 961 orang mahasiswa yang dipilih secara rawak terdiri 523 orang lelaki dan 438 orang perempuan yang sedang mengikuti pengajian di tiga buah institusi politeknik iaitu Politeknik Nilai, Politeknik Sultan Azlan Shah dan Politeknik Ungku Omar.

Instrumen yang digunakan adalah soal selidik yang dibangunkan oleh pengkaji berdasarkan tinjauan literatur. Menurut Tuckman (1985), soal selidik merupakan cara berkesan mendapatkan maklumat dari responden. Konting (1990), soal selidik boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya.

Instrumen soal selidik terdiri daripada beberapa domain iaitu domain A demografi yang terdiri daripada 6 item, domain B bidang penglibatan aktiviti kesukarelawanan 10 item, domain C ciri-ciri seorang sukarelawan 9 item, domain D faktor melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan 20 item, domain E kesan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan 5 item dan domain saranan cadangan 3 item. Analisis reabiliti adalah 0.947 menunjukkan instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan yang sangat baik.

---

### Reliability Statistics

---

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.947	.959	44

---

Instrumen ditadbir secara dalam talian dengan mengedarkan pautan kepada kumpulan pelajar secara rawak menyukarkan pengkaji mengawal maklumbalas yang diterima. Setiap responden kajian memberikan respon mengikut kesesuaian masa masing-masing. Proses pengumpulan data berlangsung selama sebulan melalui rakan penyelidik di tiga politeknik terpilih dalam kajian ini. Maklumbalas daripada responden dikeluarkan dalam bentuk data Excel dan data telah dibersihkan bagi memastikan tiada data yang hilang atau tidak lengkap. Data yang diperoleh dianalisis berdasarkan objektif kajian menggunakan aplikasi *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 23.0. Konting (1990) menyatakan bahawa aplikasi SPSS mampu menganalisis data dengan tepat dan bebas ralat. Data deskriptif dipersembahkan menggunakan bilangan, peratus, skor min dan sisihan piawai. Data inferensi pula dianalisis menggunakan ujian-t tidak bersandar bagi melihat perbezaan kesan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan berdasarkan jantina.

Skala yang digunakan dalam instrumen adalah sekala kekerapan dan skala persetujuan dan diperincikan dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1: Skala Kekerapan dan Persetujuan

---

Skor	Skala Kekerapan	Skala Persetujuan
1	Tidak Pernah	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Kerap	Tidak Setuju
3	Kurang Kerap	Kurang Setuju
4	Kerap	Setuju
5	Sangat Kerap	Sangat Setuju

---

Skala interpretasi tahap yang digunakan bagi memerihalkan dapatan kajian pula diperincikan dalam Jadual 2 berikut:

**Jadual 2: Skala Interpretasi**

Skor	Tahap
1.00-1.80	Sangat Rendah
1.81-2.60	Rendah
2.61-3.40	Sederhana
3.41-4.20	Tinggi
4.21-5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Green, Salkind dan Akey (1997)

### Dapatan Dan Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian dan perbincangan dapatan kajian dipaparkan berdasarkan persoalan kajian bermula dengan demografi kajian.

#### *Demografi Kajian*

Seramai 961 orang pelajar menyertai kajian ini dimana majoriti adalah daripada Politeknik Ungku Omar iaitu 492 orang (51.2%), diikuti dengan Politeknik Nilai seramai 270 orang (28.1%) dan Politeknik Sultan Azlan Shah seramai 199 orang (20.7%). Pelajar Semester 2 paling ramai menyertai kajian iaitu 384 orang (40.0%), diikuti semester 1 (187 orang iaitu 19.5%), semester 5 (186 orang iaitu 19.4%), semester 4 (151 orang iaitu 15.7%), semester 3 (45 orang iaitu 4.7%) dan semester 6 ke atas paling sedikit iaitu 8 orang (0.8%).

Pelajar lelaki lebih ramai iaitu 523 orang (54.4%) menyertai kajian berbanding pelajar perempuan iaitu 438 orang (45.6%). Dari segi bangsa pula majoritinya kaum Melayu iaitu 659 orang (68.6%) dan kebanyakannya peserta kajian melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan kurang dari setahun iaitu seramai 763 orang (79.4%). Pelajar mendapat maklumat aktiviti kesukarelawanan daripada media sosial, politeknik masing-masing, program atau karnival serta lain-lain sumber. Sedikit sahaja pelajar mendapat maklumat aktiviti kesukarelawanan daripada laman sesawang.

**Jadual 3: Demografi Kajian**

Perkara	Item	(N=961)	%
Politeknik	Politeknik Nilai	270	28.1
	Politeknik Sultan Azlan Shah	199	20.7
	Politeknik Ungku Omar	492	51.2
Semester	Semester 1	187	19.5
	Semester 2	384	40.0
	Semester 3	45	4.7
	Semester 4	151	15.7
	Semester 5	186	19.4
	Semester 6 ke atas	8	0.8
Jantina	Lelaki	523	54.4
	Perempuan	438	45.6

Bangsa	Melayu	659	68.6
	Cina	58	6.0
	India	228	23.7
	Lain-lain	16	1.7
Tempoh Melibatkan Diri	Kurang 1 Tahun	763	79.4
	1 hingga 5 Tahun	170	17.7
	Melebihi 5 Tahun	28	2.9
Maklumat Aktiviti Kesukarelawanan	Media Sosial	247	25.7
	Politeknik	266	27.7
	Laman Sesawang	29	3.0
	Program/Karnival	214	22.3
	Lain-lain	205	21.3

***Bidang Penglibatan Aktiviti Kesukarelawanan***

Bagi menjawab persoalan kajian pertama iaitu 'Apakah bidang-bidang utama yang pelajar terlibat dalam aktiviti keusahawanan?' analisis secara bilangan dan peratus digunakan dan dipaparkan dalam jadual 4 berikut;

**Jadual 4: Bidang Penglibatan Pelajar Aktiviti Kesukarelawanan**

Kod	Bidang	Skala Kekerapan (Bilangan dan Peratus) N-961					Skor Min	Kedudukan Bidang Penglibatan
		1	2	3	4	5		
B1	Kesihatan	528 54.9%	246 25.6%	108 11.2%	48 5.0%	31 3.2%	1.75	8
B2	Bencana	668 69.5%	186 19.4%	76 7.9%	21 2.2%	10 1.0%	1.46	10
B3	Pendidikan	357 37.1%	286 29.8%	138 14.4%	106 11.0%	74 7.7%	2.22	6
B4	Ekonomi	591 61.5%	202 21.0%	110 11.4%	34 3.5%	24 2.5%	1.65	9
B5	Kebudayaan	461 48.0%	251 26.1%	123 12.8%	72 7.5%	54 5.6%	1.97	7
B6	Sukan	233 24.2%	288 30.0%	200 20.8%	130 13.5%	110 11.4%	2.58	3
B7	Kebersihan/ Keceriaan	196 20.4%	317 33.0%	190 19.8%	150 15.6%	108 11.2%	2.64	2
B8	Keagamaan	261 27.2%	228 23.7%	178 18.5%	150 15.6%	144 15.0%	2.68	1
B9	Rekreasi	356 37.0%	239 24.9%	165 17.2%	119 12.4%	82 8.5%	2.30	5
B10	Alam Sekitar	284 29.6%	304 31.6%	180 18.7%	117 12.2%	76 7.9%	2.37	4

1 Tidak Pernah

2 Tidak Kerap

- 3 Kurang Kerap  
 4 Kerap  
 5 Sangat Kerap

Jadual 4 memperincikan dapatan berkaitan dengan jenis bidang yang kebanyakannya disertai oleh pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan. Dapatan disusun berdasarkan jumlah kekerapan yang diperoleh. Kajian mendapati pelajar banyak terlibat dalam aktiviti dalam bidang keagamaan, diikuti dengan bidang kebersihan/ keceriaan, sukan, alam sekitar, rekreasi, Pendidikan, kebudayaan, kesihatan, ekonomi dan bidang yang paling kurang pelajar melibatkan diri adalah bidang bencana. Sungguhpun begitu, kesemua bidang yang disenaraikan dalam kajian ini ada penglibatan dalam kalangan pelajar di politeknik yang menjadi lokasi kajian.

#### **Ciri-ciri Seorang Sukarelawan**

Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu `Adakah pelajar politeknik mempunyai ciri-ciri seorang sukarelawan dan apakah tahapnya berdasarkan ciri?' analis secara deskriptif telah dibuat menggunakan bilangan, Skor Min (SM) dan Sisihan Piawai (SP) telah digunakan dan dipaparkan dalam Jadual 5 berikut;

**Jadual 5: Ciri-ciri Seorang Sukarelawan dalam Kalangan Pelajar**

<b>Kod</b>	<b>Item</b>	<b>Skala Persetujuan</b>					<b>SM</b>	<b>SP</b>	<b>THP</b>
		<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>			
C1	Saya suka membantu tanpa mengharapkan ganjaran/ pujian	12	6	48	468	427	4.34	0.71	ST
C2	Saya suka bekerja dengan individu yang membuat kerja-kerja sukarela	10	17	75	508	351	4.22	0.74	ST
C3	Saya boleh berkomunikasi secara berkesan dengan orang lain	13	16	138	546	248	4.04	0.76	T
C4	Saya tidak merasa sompong dengan kerja sukarela yang saya lakukan	5	7	29	539	381	4.33	0.62	ST
C5	Saya tidak merasa malu dengan kerja sukarela yang saya lakukan	8	5	47	499	402	4.33	0.67	ST
C6	Saya bersedia dalam apa keadaan melakukan kerja-kerja sukarela	11	21	111	512	306	4.12	0.78	T
C7	Saya bersedia menghadapi kesulitan/ kesukaran	9	22	132	547	251	4.04	0.75	T
C8	Saya tidak merungut/mengungkit kerja sukarela yang telah dilakukan	8	11	82	571	289	4.16	0.69	T
C9	Saya bersedia untuk belajar sesuatu dalam memberi komitmen kesukarelawanan	5	10	59	519	368	4.28	0.67	ST
1	Sangat Tidak Setuju								
2	Tidak Setuju								
3	Kurang Setuju								
4	Setuju								
5	Sangat Setuju								

Jadual 5 memaparkan dapatan berkaitan ciri-ciri seorang sukarelawan dan pelajar memberikan persetujuan mengikut skala persetujuan sekiranya mempunyai ciri-ciri berikut berdasarkan tahap persetujuan. Kajian mendapati daripada 9 item, terdapat 5 item berada pada tahap sangat tinggi iaitu item C1, C2, C4, C5 dan C9. 4 item lagi berada pada tahap tinggi iaitu item C2, C6, C7 dan C8. Skor Min tertinggi adalah bagi item C1 iaitu 'Saya suka membantu tanpa mengharapkan ganjaran/ pujian' ( $SM=4.34$ ;  $SP=0.71$ ) diikuti dengan C4 iaitu 'Saya tidak merasa sompong dengan kerja sukarela yang saya lakukan' ( $SM=4.33$ ;  $SP=0.62$ ) dan C5 iaitu 'Saya tidak merasa malu dengan kerja sukarela yang saya lakukan' ( $SM=4.33$ ;  $SP=0.67$ ). Skor terendah adalah pada item C7 iaitu 'Saya bersedia menghadapi kesulitan/ kesukaran' ( $SM=4.04$ ;  $SP=0.75$ ) dan C3 iaitu 'Saya boleh berkomunikasi secara berkesan dengan orang lain' ( $SM=4.04$ ;  $SP=0.76$ ) tetapi masih berada pada tahap tinggi.

Secara keseluruhan kajian ini mendapati, pelajar politeknik mempunyai ciri-ciri seorang kesukarelawan dan bersedia memberikan bantuan tanpa mengharapkan balasan, suka melakukan kerja sukarelawan, tidak malu melakukannya, tidak merasa sompong, merungut atau mengukit serta bersedia memberikan komitmen dalam kerja-kerja sukarelawan.

#### **Faktor Melibatkan Diri dalam Aktiviti Kesukarelawan**

Bagi melihat faktor pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan sekalugis menjawab persoalan kajian ketiga iaitu 'Mengenalpasti faktor pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan' analisis secara deskriptif juga dibuat menggunakan bilangan, Skor Min (SM) dan Sisihan Piawai (SP) dan dipaparkan dalam Jadual 6 berikut;

**Jadual 6: Faktor Pelajar Melibatkan Diri dalam Aktiviti Kesukarelawan**

Kod	Item	Skala Kekerapan					SM	SP	THP
		1	2	3	4	5			
D1	Mengisi masa terluang	10	7	69	553	322	4.21	0.69	ST
D2	Mendapatkan pengalaman	9	3	18	460	471	4.43	0.64	ST
D3	Meningkatkan keyakinan diri	5	6	45	470	435	4.37	0.65	ST
D4	Meningkatkan kemahiran diri	5	4	15	472	465	4.44	0.60	ST
D5	Meningkatkan penghargaan kendiri	6	4	44	510	397	4.34	0.64	ST
D6	Memenuhi keperluan pengajian	6	12	139	510	294	4.11	0.73	T
D7	Mencari kestabilan emosi	11	17	97	499	337	4.18	0.77	T
D8	Memahami realiti kehidupan	7	3	41	473	437	4.38	0.65	ST
D9	Kesedaran nilai kemanusiaan	5	2	18	479	457	4.43	0.59	ST
D10	Mendapatkan kepuasan/keseronokan	8	9	91	499	354	4.23	0.72	ST
D11	Membina jaringan perhubungan	6	5	34	509	407	4.36	0.63	ST
D12	Dipertanggungjawabkan untuk melakukannya	8	14	95	512	332	4.19	0.73	T
D13	Mendapatkan ganjaran (seperti sijil/surat lantikan)	16	28	172	504	241	3.96	0.83	T
D14	Suatu bentuk penghayatan ajaran agama	6	5	50	534	366	4.29	0.64	ST
D15	Suatu tanggungjawab sosial	6	4	40	554	357	4.30	0.62	ST

D16	Faktor latar belakang hidup yang memerlukan bantuan (semasa/sebelum)	10	18	115	547	271	4.09	0.74	T
D17	Dorongan Rakan	9	25	111	550	266	4.08	1.75	T
D18	Dorongan Keluarga	11	18	106	510	316	4.15	0.77	T
D19	Dorongan Kerajaan	21	35	189	489	227	3.90	0.87	T
D20	Dorongan Badan Bukan Kerajaan (NGO)	17	35	169	518	222	3.93	0.84	T
1	Tidak Pernah								
2	Tidak Kerap								
3	Kurang Kerap								
4	Kerap								
5	Sangat Kerap								

Jadual 6 memperincikan dapatan kajian aspek faktor pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan. 11 daripada 20 faktor berada pada tahap sangat tinggi manakala 9 faktor berada pada tahap tinggi. Skor Min tertinggi adalah bagi item D4 iaitu faktor pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan adalah kerana ingin meningkatkan kemahiran diri ( $SM=4.44$ ;  $SP=0.60$ ), diikuti dengan kesedaran nilai kemanusiaan ( $SM=4.43$ ;  $SP=0.59$ ), ingin mendapatkan pengalaman ( $SM=4.43$ ;  $SP=0.64$ ), memahami realiti kehidupan ( $SM=4.38$ ;  $SP=0.65$ ), untuk meningkatkan keyakinan diri ( $SM=4.37$ ;  $SP=0.65$ ), untuk membina jaringan perhubungan ( $SM=4.36$ ;  $SP=0.63$ ), bagi meningkatkan penghargaan kendiri ( $SM=4.34$ ;  $SP=0.64$ ), atas kesedaran suatu tanggungjawab sosial ( $SM=4.30$ ;  $SP=0.62$ ), satu bentuk penghayatan kepada ajaran agama ( $SM=4.29$ ;  $SP=0.64$ ), untuk mendapatkan kepuasan/keseronokan ( $SM=4.23$ ;  $SP=0.72$ ) dan mengisi masa terluang ( $SM=4.21$ ;  $SP=0.69$ ). Faktor terendah adalah dorongan kerajaan ( $SM=3.90$ ;  $SP=0.87$ ) tetapi masih berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini memperlihatkan kesedaran diri pelajar memberi dorongan terbesar pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan merupakan dapatan yang amat membanggakan.

#### ***Kesan Melibatkan Diri dalam Aktiviti Kesukarelawanan***

Jadual 7 berikut memaparkan dapatan kajian aspek kesan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan pelajar dan menjawab persoalan kajian keempat iaitu ‘Mengenaplasti kesan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan pelajar’. Data masih dianalisis secara deskriptif menggunakan bilangan, Skor Min (SM) dan Sisihan Piawai (SP).

**Jadual 7: Kesan Melibatkan Diri dalam Aktiviti Kesukarelawanan dalam Kalangan Pelajar**

<b>Kod</b>	<b>Item</b>	<b>Skala Persetujuan</b>					<b>SM</b>	<b>SP</b>	<b>THP</b>
		<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>			
E1	Aktiviti kesukarelawanan meningkatkan kesedaran diri saya	6		36	563	356	4.31	0.60	ST
E2	Aktiviti kesukarelawanan membentuk gaya hidup sihat saya	5	3	59	531	363	4.29	0.64	ST

E3	Aktiviti kesukarelawan menjadikan saya prihatin kepada keperluan individu lain	6	5	34	526	390	4.34	0.63	ST
E4	Aktiviti kesukarelawan meningkatkan kemahiran saya	6	1	42	535	377	4.32	0.62	ST
E5	Aktiviti kesukarelawan meluaskan kenalan/jaringan hubungan	7	6	31	513	404	4.35	0.64	ST
<b>KESELURUHAN</b>							<b>4.32</b>	<b>0.55</b>	<b>ST</b>

Berdasarkan Jadual 7 di atas menunjukkan kesemua 5 item berada pada tahap sangat tinggi dengan skor min keseluruhan adalah 4.32 (SP=0.55). Skor min tertinggi adalah bagi item E5 iaitu `Aktiviti kesukarelawan meluaskan kenalan/ jaringan hubungan dengan skor min 4.35 (SP=0.64) manakala skor min terendah adalah bagi item `Aktiviti kesukarelawan membentuk gaya hidup sihat saya' dengan skor min 4.29 (SP=0.64). Aktiviti kesukarelawan dilihat mampu memberikan kesan kepada meningkatkan kesedaran diri pelajar, membentuk gaya hidup sihat, menjadikan pelajar prihatin kepada keperluan individu lain, meningkatkan kemahiran dan meluaskan kenalan/ jaringan hubungan.

Ujian-t tidak bersandar telah dijalankan untuk melihat perbezaan kesan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina. Analisis mendapati terdapat perbezaan yang signifikan skor pelajar lelaki ( $SM=4.26$ ,  $SP=0.59$ ) berbanding pelajar perempuan ( $SM=4.39$ ,  $SP=0.51$ ) dengan nilai  $t=-3.617$ ,  $P=0.000$  sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 8. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih terkesan dengan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan berbanding pelajar lelaki walaupun kedua-dua gender mempunyai kesan yang sangat tinggi dengan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan.

**Jadual 8: Perbezaan Kesan melibatkan Diri dalam Aktiviti Kesukarelawan Berdasarkan Gender**

	<b>Jantina</b>	<b>N</b>	<b>Mean</b>	<b>Std. Deviation</b>	<b>t-Value</b>	<b>Sig.</b>
Kesan	Lelaki	523	4.26	0.59	$-3.617$	0.000
	Perempuan	438	4.39	0.51		

### Saranan dan Cadangan

Kajian ini juga mengemukakan beberapa saranan dan cadangan untuk melihat maklumbalas pelajar dan menyediakan soalan terbuka untuk melihat saranan dan cadangan pelajar. Jadual 9 memaparkan maklumbalas pelajar atas saranan dan cadangan yang diberikan dan didapati pelajar bersetuju bahawa generasi muda perlu melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan (98.1%), mereka bersedia untuk dilatih bagi menyediakan diri untuk aktiviti kesukarelawan (95.2%) dan bersetuju bahawa aktiviti kesukarelawan perlu disesuaikan dengan jiwa generasi muda (96.9%).

**Jadual 9: Saranan dan Cadangan**

<b>Kod</b>	<b>Item</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>
F1	Generasi muda perlu melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan.	942 98.1%	18 1.9%
F2	Generasi muda bersedia diberikan latihan/kursus sebagai persediaan menyertai aktiviti kesukarelawanan	915 95.2%	45 4.8%
F3	Aktiviti kesukarelawanan perlu disesuaikan dengan jiwa generasi muda.	931 96.9%	29 3.1%

Antara saranan dan cadangan yang diterima melalui soalan terbuka pula adalah pelajar cenderung kepada aktiviti kesukarelawanan bersifat keagamaan seperti membantu pengendalian program, aktiviti pengurusan jenazah, aktiviti Ramadhan, kebersihan dan keceriaan rumah ibadat. Pelajar juga melihat aktiviti rotong-royong terutamanya melibatkan rumah anak yatim, orang kelainan upaya (OKU), orang yang miskin dan memerlukan, warga emas dan gelandangan. Pelajar juga mencadangkan aktiviti kesukarelawanan berkaitan majlis keraian seperti perkahwinan, hari keluarga dan rumah terbuka hari perayaan. Aktiviti kesukarelawanan aspek memberikan motivasi, kesedaran juga dicadangkan oleh pelajar seperti kempen kesedaran hindar jenayah, patuhi SOP Covid dan sebagainya. Selain itu, pelajar juga mencadangkan aktiviti kesukarelawanan aspek kesihatan seperti basmi punca demam Denggi, derma darah, bimbingan kaunseling, berkaitan Covid-19 dan sebagainya. Memberi bantuan kepakaran IT bagi kumpulan yang memerlukan bantuan, aktiviti kenegaraan (PLKN), binatang (kucing jalanan, zoo dll), rekreasi, aktiviti sukan, aktiviti berkaitan alam sekitar ('go green'), penanaman pokok, bersih pantai, 'recycle' dsbg) dan mencadangkan penyertaan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan melalui organisasi tertentu seperti RELA, Wataniah, kelab Leo, Bomba, JPAM dan sebagainya.

Pelajar juga memberikan cadangan dan pandangan bahawa aktiviti kesukarelawanan perlu diterapkan dalam pendidikan bermula dari peringkat pra sekolah sehingga ke institusi pendidikan tinggi. Remaja perlu diberi pendedahan dan didekati agar berminat melibatkan diri dengan aktiviti kesukarelawanan. Pelajar melihat pembentukan tabung atau dana merupakan sebahagian daripada keperluan kesukarelawanan. Kesukarelawanan perlu melihat keperluan semasa seperti Covid-19 dan banjir serta kesan kepada isu yang berlaku seperti hilang pekerjaan, kematian, kerosakan rumah dan sebagainya. Kesukarelawanan merupakan landasan kepada hubungan baik dalam komuniti dan boleh menguatkan perpaduan. Pelajar berpandangan kesukarelawan memberikan banyak kebaikan, memberikan pengalaman berharga, membentuk jati diri, meringankan beban, meningkatkan keyakinan diri, memupuk rasa tanggungjawab, membangunkan nilai positif dalam diri serta dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah. Pelajar melihat keperluan kepada wujudnya sedikit penghargaan atau token atau sijil penghargaan untuk pelajar yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan bagi memudahkan laluan kerjaya pelajar dan keseronokan.

**Rumusan**

Semangat kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa wajar diterapkan pada peringkat awal. Penglibatan yang aktif mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawan mendatangkan manfaat secara jangka masa pendek dan jangka panjang (Whillans et al., 2017). Malah menurut Llenares dan Deocaris (2015) keterlibatan ini mampu mencorakkan mahasiswa dalam aspek kemahiran vokasional atau teknikal dan kemahiran interpersonal sebagai nilai tambah dalam

melengkапkan diri dengan pelbagai ilmu untuk menempuh alam pekerjaan kelak. Selain itu, mendatangkan kesan positif terhadap pembangunan sosial mahasiswa seperti berkongsi atau berbincang pengalaman, meningkatkan kesedaran mengenai isu setempat, memahami perbezaan budaya, cakna kepada masyarakat, membina hubungan, pupuk ilmu kepimpinan, aktivis sosial, maksimum kualiti masa dan mengubah kehidupan masyarakat kearah yang lebih baik.

Justeru itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan yang aktif memotivasi mahasiswa untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan. Usaha ini perlu kerana akan menarik minat mahasiswa untuk terlibat dan juga mengekalkan momentum mahasiswa yang telah terlibat dengan aktiviti kesukarelawan untuk terus melibatkan diri sepanjang masa. Oleh yang demikian dengan harapan usaha ini sebagai mekanisme penting untuk membina karakter mahasiswa yang penyayang, prihatin dan bertanggungjawab.

## Rujukan

- Abdul Rahman, N. 2018. Tahap Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela Dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Diri Golongan Awal Dewasa Di Kedah, Tesis Sarjana USM: Penang.
- Ab Rahman, H., Jaafar, H., & Mohamed Nasiruddin. B. N. 2018. Keterlibatan Mahasiswa dalam Aktiviti Kesukarelawan dan Hubungannya dengan Kemahiran Sosial. *4 th International Conference on Information Technology & Society* October 30th -31st, 2018, Selangor.
- Arthur, M. A. & Ness, A.B. 2013. Skills-Based Volunteering: The New Executive Training Ground. Standford Social Innovation Review. Diperolehi daripada [https://ssir.org/articles/entry/skills\\_based\\_volunteering\\_the\\_new\\_executive\\_training\\_ground](https://ssir.org/articles/entry/skills_based_volunteering_the_new_executive_training_ground) [Tarikh akses 30 Disember 2022].
- Bang H, & Ross S,. 2009. Volunteer motivation and satisfaction. *Journal of Venue and Event. Management* 1(1): 61-77.
- Brewis, Georgina. 2010. From Service to Action? Students, Volunteering and Community Action in Mid Twentieth-Century Britain. *British Journal of Educational Studies* 58(4):439-449.
- Cambridge English Dictionary. 2020. Voluntary. Cambridge University Press. Diperolehi daripada <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/voluntary>.
- Clary, E. G., Snyder, M., & Stukas. 1996. Volunteers Motivations. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly* 25: 485–505.
- Dorsch KD, Riemer HA, Sluth V, Paskevich DM, Chelladurai P,. 2002. What affects a volunteer's commitment? Canadian Centre for Philanthropy, Toronto.
- Garis Panduan Program Kesukarelawanan Politeknik Port Dickson. 2020. Unit Sukarelawan YES: Politeknik Port Dickson.
- Green, S. B., Salkind, N. J., & Akey, T. M. 1997. Using SPSS for Windows: Analysing and Understanding Data. New Jersey: Prentice Hall.
- Hamzah, S. R., Suandi, T., & Hamzah, A. 2015. Pengaruh Kepercayaan, Motivasi dan Niat Terhadap Golongan Belia dalam Aktiviti Sukarela di Malaysia. *International Journal of Education and Training*, 1 (2): 1-10.
- Hutchison, S. 2003. Group Processes and Volunteering: Enhancing Recruitment and Retention. *Administration in Social Work*. 33: 23-33.
- Ibrahim, F., Amin, A. S., & Sivabalan, S. 2015. Penglibatan Dan Motivasi Kesukarelawanan: Ke Arah Memupuk Semangat Kesukarelawan Dalam Kalangan Mahasiswa, *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 10, No. 1: 84-96.

- Ismail, S. 2015. Pembangunan Insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*, 8(2): 83-91.
- Jago, L., Deery. 2002. An Investigation of Volunteer Use in Tourism Organizations. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 5: 229-236.
- Jamal, M. B., Kaspin, K. G., Mohd Nor, N. M., Marzuki, M., Abdul Rahman, M. H., & Ramlie, H. 2021. Keberkesanan Pendidikan Kesukarelawanan Dalam Kalangan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Ke Arah Memperkasakan Nilai-Nilai Insaniah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*. 6(39): 208-222.
- Johari, H., & Suzastri, A. 2021. Motif Fungsional Penglibatan Sukarelawan Khidmat Masyarakat: Kajian Kes UniSHAMS. UniSHAMS Sdn. Bhd. Kedah.
- Konting, M. M. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Llenares, I. I., & Deocaris, C. 2015. Motivations for volunteerism among Filipino college students. *International Journal of Education and Research*, 3(2), 599- 610.
- Mohd Khir, A., Abdul Aziz, N. A., & Muhammad Nizam, N. S. 2016. *Motivasi dan tahap penglibatan belia Felda dalam kesukarelawanan di Felda Bukit Rokan, Negeri Sembilan*. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 15. pp. 203-218.
- Muhamad, T. A., & Mohd Alauddin, A. N. 2013. Motif Penglibatan Sukarelawan Sukan Institusi Pengajian Tinggi terhadap Tahap Kepuasan Diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 38(2): 51-59.
- Musick, M., & Wilson J. 2003. Volunteering and Depression: The Role of Psychological and Social Resources in Different Age Groups. *Social Science and Medicine*, 56(2): 259-269.
- Mukhtar, N. S., & Hudin, N. S. 2021. Pembinaan Kerangka Aktiviti Kesukarelawanan Yang Berkesan Oleh Mahasiswa Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kampus, Johor Bahru, Johor. *Jurnal Ilmi*. Vol 11: 105-115.
- Nichols, G, King. 1999. Redefining the Recruitment Niche for the Guide Association In The UK. *Leisure Sciences*. 21: 307-320.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. 2013. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi). 2015. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. 2020. Sukarela. Diperolehi daripada <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sukarela> [Tarikh akses 5 Januari 2023].
- Sekaran, U. & Bougie, R. 2009. *Research Methods for Business: A Skill Building Approach* 5<sup>th</sup>. Ed. UK: John Wiley and Sons
- Suanda, J., Hamzah, M. R., Bahari, A., & Ku Daud, K. A. 2012. Semangat Kesukarelawan Dalam Kalangan Mahasiswa Melayu Di IPTA: Satu Tinjauan Ke Arah Pembentukan Pendidikan Kesukarelawan. Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA).
- Tuckman, Bruce W. 1985. *Evaluating Instructional Program*. Ed. ke-2. Boston: Allyn and Bacon
- Wan Aziz, W. A., Ismail, C. Z., Zulkifli, M. F. I., Che Mat, A. 2020. Motif Kesukarelawan Remaja Muslimah Di Terengganu. *Borneo Akademika Volume 4* (2): 1 -11.
- Wan Zuhari, W. I., Mohd Hisham, M., & Fathuddin Aizat, C. M. A. 2018. Kajian Kes: Impak Kesukarelawanan TVET di Kalangan Pelajar Politeknik Kota Bharu. [https://www.researchgate.net/publication/327880416\\_KAJIAN\\_KES\\_IMPAK\\_KESU\\_KARELAWANAN\\_TVET\\_DI\\_KALANGAN\\_PELAJAR\\_POLITEKNIK\\_KOTA\\_B\\_HARU](https://www.researchgate.net/publication/327880416_KAJIAN_KES_IMPAK_KESU_KARELAWANAN_TVET_DI_KALANGAN_PELAJAR_POLITEKNIK_KOTA_B_HARU).

- Whillans, A. V., Seider, S. C., Chen, L., Dwyer, R. J., Novick, S., Gramigna, K. J. 2017. Does volunteering improve well-being? Comprehensive results in sosial psychology. *European Association of Sosial Psychology*. 1(1-3):35-50.
- Yahya Zikri, S., Ismail, K., Zulkifli, A. S., Hashim, N., Zainuddin, N. A. (2022) Penglibatan Belia Dalam Aktiviti Kesukarelawanan Di Malaysia: Sumbangan dan Peranan. *Proceedings Science, Ethics & Civilization*; Vol.1.2022; 30-36.